

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

6. Adakah Sungai Perai sesuai untuk dibangunkan sebagai tarikan eko pelancongan yang menawarkan perkhidmatan pelancongan seperti *floating market, river cruise restaurant* dan *river cruise*?
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri sedia untuk melabur dalam pembangunan Sungai Perai sebagai tarikan eko-pelancongan?
  - (b) Adakah kehijauan sepanjang Sungai Perai akan terkesan jika projek sedemikian dilaksanakan?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Perai Pulau Pinang / Kedah (2019), Sungai Perai mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai tarikan eko pelancongan. Sungai Perai dan kawasan sekitarnya juga merupakan destinasi pilihan bagi penggemar aktiviti tinjauan burung (*birdwatching*) burung-burung hijrah. Tinjauan, kaji selidik dan kajian *feasibility* perlu dijalankan dengan lebih teliti lagi untuk memastikan sama ada komponen perkhidmatan pelancongan seperti *floating market, river cruise restaurant* dan *river cruise* dapat menjadi pelengkap kepada tarikan eko-pelancongan tersebut.
  - (a) Kerajaan Negeri sedang merancang untuk membangunkan Sungai Perai sebagai tarikan eko-pelancongan melalui tindakan berikut:

- (i) MBSP dalam tindakan untuk menyediakan cadangan pembangunan Sungai Perai berserta dengan anggaran kos pembangunan yang terlibat;
  - (ii) JPS Pulau Pinang telah memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 bagi Projek Pemuliharaan Sungai Perai yang bertujuan untuk memastikan air mencukupi dan mengurangkan risiko banjir; dan
  - (iii) Jabatan Perhutanan sedang dalam perancangan untuk mewartakan hutan paya air tawar yang terdapat di sepanjang Sungai Perai terutamanya yang terletak di Air Hitam Dalam sebagai Hutan Simpanan Kekal. Kawasan hutan paya air tawar ini merupakan satu-satunya hutan paya air tawar yang wujud di negeri Pulau Pinang dan menjadi pelengkap kepada Pusat Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, khususnya dalam program pembelajaran ekologi hutan paya air tawar bagi spesies-spesies nipah, putat, jejawi dan malabera serta hidupan paya air tawar yang lain.
- (b) Kerajaan Negeri akan mengawal pembangunan dan memastikan kehijauan Sungai Perai tidak terjejas sekiranya projek-projek pembangunan eko-pelancongan dilaksanakan. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal untuk mewartakan semua Hutan Bakau dan Hutan Nipah dalam Tanah Kerajaan dan Tanah Milik Agensi Kerajaan sebagai Hutan Simpanan Kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Melalui penilaian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal tersebut, kira-kira 406 hektar kawasan hutan paya air tawar di sepanjang Sungai Perai telah dikenal pasti berpotensi untuk diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal khususnya dari Pasir Gebu, Lahar Endin, Kuala Bekah, Merbau Kudung sehingga ke Air Hitam Dalam. Jawatankuasa Teknikal ini sedang meneliti cadangan pewartaan Hutan Simpanan Kekal agar tidak melibatkan pertindihan perancangan dan status guna tanah semasa seiring dengan Rancangan Struktur Negeri. Dengan adanya pewartaan sebagai Hutan Simpanan Kekal kelak, hutan paya air tawar di kawasan tersebut akan dilindungi dan aktiviti-aktiviti konservasi

biodiversiti paya air tawar dapat dijalankan dengan lancar. Kepelbagaiannya biodiversiti akan meningkatkan nilai ekopelancongan Sungai Perai. Jabatan teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan akan sentiasa memastikan kemajuan projek pembangunan di kawasan Sungai Perai agar kehijauan sepanjang sungai tersebut sentiasa dipelihara.